



BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN 2019

Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) mempelawa permohonan daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan untuk ditawarkan BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN peringkat ijazah Sarjana Muda.

KELAYAKAN UNTUK MEMOHON

Syarat Asas	Syarat Kelayakan Akademik dan Ko-kurikulum	Tajaan Biasiswa
i) Warganegara Malaysia ii) Umur tidak melebihi 25 tahun pada tarikh tutup permohonan	(i) Pelajar lepasan STPM /Asasi / Matrikulasi / Diploma yang tamat minimum PNGK 3.50 atau pelajar yang sedang mengikuti pengajian ijazah Sarjana Muda di Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dalam negara yang mencapai PNGK 3.50 dan masih berbaki sekurang-kurangnya 2 tahun pengajian. (ii) Sekurang-kurangnya Kepujian Tinggi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di peringkat SPM. (iii) Memiliki kualiti kepimpinan yang terserlah dan penyertaan yang aktif dalam aktiviti kokurikulum (terutama di peringkat luar sekolah / universiti).	Tajaan Biasiswa adalah merangkumi:- (i) Yuran Pengajian (ii) Elaun Sara Hidup (iii) Elaun Buku (iv) Elaun-elaun berkaitan pengajian seperti tesis, elaun latihan amali/ kertas projek, elaun alat perkakas (sekali setahun). (v) Tambang penerbangan (2 hala) sekali setahun (untuk pelajar Semenanjung yang belajar di Sabah & Sarawak dan pelajar Sabah & Sarawak yang belajar di Semenanjung). (vi) Program Pengkayaan Diri

PERMOHONAN

Permohonan Biasiswa Tunku Abdul Rahman boleh dibuat secara atas talian dengan melayari laman sesawang Yayasan Tunku Abdul Rahman di www.yayasantar.org.my. Setiap permohonan daripada pemohon yang sedang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda di IPT tempatan dalam negara mesti mendapat ulasan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Institusi Pengajian Tinggi.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 APRIL 2019

* Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi program pemerhatian dan temuduga.

* Pemohon yang tidak dihubungi selepas 3 bulan dianggap tidak berjaya.